

Pas sependapat Perdana Menteri

11 OCT 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Pas mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyuarakan ke-sangsian terhadap wujudnya keadilan dan demokrasi di dunia sekembali beliau dari Copenhagen, Denmark semalam.

Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata bantahan Perdana Menteri terhadap tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain menyerang Iraq turut dikongsi oleh beliau.

"Tindakan ini tidak wajar kerana Iraq sudah membenarkan pasukan pemeriksa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Pas juga sependapat dengan Dr Mahathir yang kurang menyenangi tindakan regim Ariel Sharon mengepung Yasser Arafat di pusat pentadbirannya di Muqataa, Ramallah," katanya di Bangunan Parlimen di sini.

Bagaimanapun, tambah beliau, Pas dukacita kerana kerajaan Malaysia tunduk kepada desakan Amerika Syarikat dan Singapura menahan mereka yang dikatakan anggota Kumpulan Militeran Malaysia (KMM).